



18 Januari 2017
18 January 2017
P.U. (A) 17

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (JALAN PERSEKUTUAN) 2017

*ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD)
(FEDERAL ROADS) ORDER 2017*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(JALAN PERSEKUTUAN) 2017

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 2/2017 yang disiarkan pada 5 Januari 2017, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan yang diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta itu, Menteri Kerja Raya, setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta itu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 20 Januari 2017.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, selain di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh masa yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya larangan terpakai</i>	<i>Jalan arah</i>	<i>Tempoh larangan</i>
Sebahagian Laluan 5, Jalan Muar-Batu Pahat bermula dari seksyen 129.6 sehingga seksyen 129.9 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Muar ke Batu Pahat hendaklah menggunakan jalan lengcongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	20 Januari 2017 hingga 13 Jun 2017
	Kenderaan dari Batu Pahat ke Muar hendaklah menggunakan jalan lengcongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	20 Januari 2017 hingga 13 Jun 2017